

**SOALAN NO: 10**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN N. SURENDRAN A/L  
K. NAGARAJAN [PADANG SERAI]**

**TARIKH : 27 JULAI 2017**

**SOALAN : 10**

**YB Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk membolehkan rakyat Malaysia yang tidak mampu dan yang bukan kakitangan kerajaan untuk menerima rawatan perubatan percuma di Institut Jantung negara (IJN) termasuk bagi pembedahan dan kesemua prosedur medical yang penting.**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Semenjak penubuhan Institut Jantung Negara (IJN) pada tahun 1992 , IJN telah memberikan rawatan untuk semua rakyat Malaysia, dari setiap kategori pesakit, termasuk kakitangan, pesara dan tanggungan kerajaan persekutuan dan juga pesakit kurang mampu di bawah tanggungan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Di dalam kes-kes kecemasan, pihak IJN senantiasa memberikan perkhidmatan sewajarnya tanpa mengira latar belakang sosio-ekonomi, kaum atau kedudukan. KKM sememangnya telah dan akan terus memberikan perkhidmatan kesihatan bersubsidi tinggi kepada golongan miskin dan tidak mampu

untuk menerima rawatan di Institut Jantung Negara (IJN). Walau bagaimanapun ianya perlulah melalui pengesahan Laporan Penilaian Sosio-Ekonomi oleh pegawai sosial perubatan di hospital KKM bagi menentukan kesahihan tahap ketidakmampuan mereka. Sekiranya didapati benar-benar tidak mampu, pesakit layak menerima rawatan percuma jika rawatan sedemikian tidak dapat dijalankan oleh pakar di Pusat Rawatan Jantung KKM. Prosedur serupa juga dijalankan bagi kakitangan kerajaan di mana hanya kes-kes kompleks dan tidak dapat dirawat di Pusat Rawatan Jantung KKM akan dirujukkan ke IJN. Perkara ini dijelaskan dalam garispanduan **Panduan Mengenai Kemudahan Di Institut Jantung Negara Sdn. Bhd (IJNSB) Bagi Golongan Pesakit Di Bawah Tanggungan Kerajaan Persekutuan - Kemudahan Perubatan Bagi Pegawai Kerajaan**, bertarikh 16 September, 1997.

IJN sangat berbangga dan berbesar hati untuk terus terlibat di dalam memberi perkhidmatan terbaik dan berharap usaha murni ini akan diteruskan pada masa hadapan bagi membantu pesakit-pesakit kurang mampu untuk mendapatkan rawatan perubatan terbaik di negara ini.

**Tuan Yang di-Pertua,**

IJN perlu mematuhi syarat yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 21 tahun 2009 dan bekerjasama dengan Unit Taksiran Khas Kementerian Kesihatan Malaysia (UTKKKM) yang telah ditempatkan di IJN. UTKKKM bertanggungjawab menaksir latar belakang sosio-ekonomi pesakit kurang mampu untuk memberi bantuan bagi mendapatkan

rawatan di IJN. Segala urusan penajaan bagi kategori kurang mampu ini adalah dibawah kawalan Kementerian Kesihatan menerusi UTKKKM.

Rangkuman golongan pesakit kurang mampu yang terdiri dari pelbagai kaum di Malaysia yang menerima rawatan di IJN melalui subsidi yang diberikan kerajaan, mencerminkan usaha murni kerajaan yang mendahuluikan kepentingan rakyat tanpa mengira batasan bangsa, kaum atau agama dan usaha ini semakin bermakna dalam menangani keadaan dimana kos sara hidup yang semakin meningkat dari tahun ke tahun. IJN sentiasa menyokong seruan kerajaan agar “Rakyat Didahului, Pencapaian Diutamakan”.